


SIARAN MEDIA AHAD, 25 OKTOBER 2020

RAKYAT TOLAK DARURAT & MAHU PERUBAHAN KERAJAAN

Rakyat Malaysia umumnya maklum pertemuan menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh barisan Menteri Kabinet diketuai oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd. Yassin, Perdana Menteri pada Jumaat 23 Oktober 2020. Rakyat dihujani melalui media arus perdana, media sosial dan media cetak ura-ura berkaitan polemik Kerajaan mengusulkan cadangan perintah darurat. Kenyataan media pihak Istana Negara mengesahkan pertemuan tersebut dan pemakluman pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa usul kerajaan akan dibawa ke pertemuan bersama Raja-Raja Melayu yang dijangka bakal berlangsung pada hari Ahad 25 Oktober 2020.

Susulan polemik politik yang berlaku, Institut Darul Ehsan (IDE) telah menjalankan pungutan pendapat yang dinamakan “**Rakyat Malaysia Bersuara / Malaysians Speak**” secara elektronik menerusi medium sebaran WhatsApp, Twitter, Facebook, Emel, laman sesawang dan Telegram yang dihubungkan kepada Sistem E-Survei IDE. Tinjauan ini melibatkan rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang bermula dari jam 4:00 petang hingga 12:00 tengah malam (8 jam) Sabtu, 24 Oktober 2020.

Sehingga jam 12:00 tengah malam **seramai 51,147 orang responden** (unique respondent) telah menyertai pungutan pendapat ini. Keputusan pungutan pendapat adalah seperti berikut:



Tracking Kemasukan Data Sistem E-Survei IDE

1. Respons tertinggi diperoleh antara jam 8:00 malam hingga 10:00 malam. Pihak IDE membuat ‘tracking’ pungutan ini setiap 30 minit bagi menyemak keabsahan kemasukan data.
2. **SOALAN (1): Adakah anda bersetuju dengan pengisytiharan darurat?**
 - a. Ya : 22.61% (11,560 responden)
 - b. Tidak : 77.39% (39,587 responden)
3. **SOALAN (2): Apakah pilihan terbaik untuk rakyat Malaysia?**
 - a. TS Muhyiddin Yassin kekal sebagai Perdana Menteri : 32.49% (16,617 responden)
 - b. DS Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri : 49.80% (25,469 responden)
 - c. Bubar Parlimen dan adakan pilihan raya umum : 17.71% (9,061 responden)
4. Berdasarkan analisis, IDE mendapati majoriti yang menyokong pengisytiharan darurat adalah mereka yang turut cenderung menyokong TS Muhyiddin Yassin untuk kekal sebagai Perdana Menteri. Namun begitu, mereka yang menolak darurat, lebih cenderung memilih DS Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri.
5. Hanya 17.71 % yang memilih untuk pembubaran Parlimen dan bersetuju pilihan raya umum diadakan.

IDE Research Centre Sdn Bhd (1138903-V)

45, Jalan Tukul P 15/P, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, MALAYSIA

Tel: +603-5512-2773, Fax: +603-5524-2437, Email: ide@ideselangor.com, Web: www.ideselangor.com

RAKYAT MALAYSIA BERSUARA (MALAYSIANS SPEAK)

(Pungutan pendapat yang dijalankan bermula jam 4:00 petang hingga 12:00 tengah malam (8 jam), Sabtu 24/10/2020)

